

Simulasi kesan kenaikan harga petrol dibentang

ALOR SETAR - Simulasi kesan kenaikan atau penurunan harga petrol terhadap kos sara hidup dan indeks harga pengguna yang menyumbang kepada inflasi akan dibentangkan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada minggu depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ia untuk mencari mekanisme terbaik penetapan harga petrol tanpa membebankan pengguna.

Katanya, kadar apungan harga petrol berperingkat sebanyak satu sen seminggu sebaik sahaja Program Subsidi Petrol (PSP) dilaksanakan belum dimuktamadkan.

"Kita memperoleh data tepat berdasarkan simulasi itu. Perinciannya akan dibentang untuk rangka mekanisme terbaik," katanya pada sidang akbar sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) 2019 peringkat kebangsaan yang dirasmikan Menteri



Saifuddin (kanan) dan Mukhriz (kiri) meninjau kedai runcit bergerak pada sambutan HPPK 2019 di pekarangan Stadium Darul Aman.

Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir di pekarangan Stadium Darul Aman di sini semalam.

Saifuddin berkata, perbincangan lanjut juga akan diadakan bersama syarikat petrol, pemilik stesen minyak serta persatuan pengguna sebelum melaksanakan mekanisme yang bertepatan.

"Penentuan harga petrol diputuskan oleh mekanisme har-


ga automatik iaitu harga minyak mentah dunia, kos operasi, keuntungan syarikat dan faktor lain.

"Banyak angkubah yang tidak boleh disebut secara tepat jumlah kenaikan kerana harganya berubah setiap minggu," katanya.

Tambahnya, cadangan kenaikan satu sen seminggu itu sebahagian idea mengenal pasti mekanisme harga.

Simulasi kesan kenaikan harga petrol dibentang

ROSLINDA HASHIM | 30 November 2019



Saifuddin Nasution Ismail

AA

ALOR SETAR - Simulasi kesan kenaikan atau penurunan harga petrol terhadap kos sara hidup dan indeks harga pengguna yang menyumbang kepada inflasi akan dibentangkan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, minggu depan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ia untuk mencari mekanisme terbaik penetapan harga petrol tanpa membebankan pengguna.

Menurutnya, ini kerana kadar apungan harga petrol secara berperingkat sebanyak 1 sen seminggu sebaik sahaja Program Subsidi Petrol (PSP) dilaksanakan belum dimuktamadkan sepenuhnya.

"Kita memperoleh data yang tepat berdasarkan simulasi ini. Perincian ini akan dibentang untuk kita rangka mekanisme terbaik, selain peka dengan keluhan rakyat serta reaksi mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) 2019 peringkat kebangsaan yang dirasmikan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir di pekarangan Stadium Darul Aman di sini hari ini.